



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

No. Ruj. Kami : PBBPP.UKK.100-2/1/1(6)

Tarikh : 12 Julai 2019

## KENYATAAN MEDIA

### **Banglo Hillside akan diperbaharui kepada *Family Lodge* dan *Campsite***

Peminat eko pelancongan kini boleh melibatkan diri dengan keindahan alam semulajadi yang terdapat di Bukit Bendera.

Sejak tahun 2017, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) telah membaik pulih salah satu banglo warisan di Bukit Bendera iaitu banglo Hillside. Setelah beberapa bulan membaik pulih dan melalui proses *Request of Proposal* (RFP), PBBPP ingin mengumumkan bahawa penginapan berkonsepkan kolonial yang mesra alam akan disediakan bagi mereka yang ingin menjauhkan diri dari kesibukan bandar dan meluangkan masa untuk bermalam di tengah-tengah kawasan hutan Bukit Bendera yang berusia 130 juta tahun.

Projek ini merangkumi banglo Hillside dan *Tulip House* yang terletak di kawasan hutan yang selesa. Di bawah projek ini, banglo Hillside yang terletak di *Upper Tunnel Road* akan menempatkan 4 bilik butik, 4 bilik tidur dan ruang terbuka yang mampu menampung sehingga 16 khemah. *Tulip House*, terletak di *Summit Road* berhampiran *Bee Gallery* akan mempunyai 2 buah bilik. Kapasiti maksimum untuk projek ini dianggarkan seramai 80 orang.

Disamping reka bentuk yang sesuai dengan alam sekitar dan kemudahan yang mencukupi termasuk ruang tamu serta ruang makan, tandas dan bilik mandi, penyimpanan bahan kitar semula, sistem penuaian hujan serta pelbagai ciri mesra alam yang lain membuatkan projek ini benar-benar unik adalah, ia juga menawarkan perkhemahan dengan pemandangan indah dan kemudahan perkhemahan yang komprehensif.

Mereka juga berpeluang untuk berbaring dibawah kilauan bintang sambil menghirup udara segar dan melihat keindahan langit, menikmati suasana ketenangan sambil meluangkan masa bersama orang yang tersayang tanpa perlu risau mengenai kekurangan kemudahan yang disediakan.



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

---

Ketua Menteri Pulau Pinang merangkap Pengerusi PBBPP YAB Tuan Chow Kon Yeow berkata “Projek perkongsian diantara agensi awam dan swasta ini menyokong visi PBBPP dalam menjadikan Bukit Bendera sebagai bukit peranginan pilihan di Malaysia dan rantau ini, dan ia juga selaras dengan usaha kerajaan Pulau Pinang untuk mempromosi ekopelancongan dan membolehkan seisi keluarga meluangkan masa bersama sambil menikmati keindahan alam dan pelbagai perkara menarik yang terdapat di Bukit Bendera.”

“Projek ini akan memberikan lebih banyak peluang kepada pelancong yang berminat dengan dengan alam semulajadi dan warisan untuk meneroka pengalaman unik yang terdapat di Bukit Bendera dengan meluangkan masa di kawasan bukit.”

Dibina pada awal tahun 1900, banglo Hillside adalah salah sebuah banglo yang tertua di Bukit Bendera dan diklasifikasikan sebagai bangunan warisan kategori II yang terdapat di dalam Rancangan Tempatan Bukit Bendera Pulau Pinang 1998 dan Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera 2016. Banglo tersebut pernah digunakan sebagai rumah rehat untuk pegawai kerajaan British, dan kemudian digunakan sebagai rumah rehat kakitangan kerajaan selepas kemerdekaan dan akhirnya terbiar kosong sehingga sekarang.

Sebaliknya, *Tulip House* dibina oleh British pada tahun 1920 untuk pekerja pada masa itu dan tempat tersebut digunakan sebagai kuarters kerajaan selepas Kemerdekaan. Ia kemudiannya diserahkan kepada PBBPP selepas tahun 2011 dan ia telah diubah suai pada tahun 2016.

PEMBINAAN YSBT (M) Sdn Bhd (YSBT) telah dipilih untuk mengendalikan pembaharuan dan penambahan di Bukit Bendera selepas *Request For Proposal* (RFP) pada September 2017.

YSBT akan melakukan kerja-kerja pengubahsuaian dan melengkapkan banglo Hillside dan *Tulip House* serta mengendalikan *family lodge* dan kawasan perkhemahan sebagai **Hillside Retreat Penang**. YSBT menyasarkan untuk menjadikan projek penginapan ini dapat disewa oleh orang awam dengan harga yang berpatutan.

Projek ini dijangka siap sekitar hujung bulan Oktober 2019 dan akan dirasmikan pada tarikh yang akan diumumkan nanti. Sila layari pautan berikut untuk maklumat lanjut :

1. <https://www.facebook.com/hillsideretreatpenang/>
2. <https://www.facebook.com/mypenanghill/>

#TAMAT#

---



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

---

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan di rantau ini.

## Unit Komunikasi Korporat :

Chris Koay

Penang Hill Corporation

Tel: 04-828 8880

[shkoay@penanghill.gov.my](mailto:shkoay@penanghill.gov.my)

Lee Shew Yean

Penang Hill Corporation

Tel: 04-828 8880

[sylee@penanghill.gov.my](mailto:sylee@penanghill.gov.my)

Izatul Aziah Ismail

Penang Hill Corporation

Tel: 04-828 8880

[izatul@penanghill.gov.my](mailto:izatul@penanghill.gov.my)



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

## Hillside Bungalow



## Tulip House

